



BOARD OF DIRECTOR TALK YBHG. DATO' DR. MOHD SOFI OSMAN



Pada 25 Oktober 2017 yang lalu telah berlangsungnya satu Syarahan Umum yang dianjurkan di Bilik Seminar Stantan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dengan kehadiran peserta yang terdiri daripada Staf Akademik UniMAP.

Syarahan Umum ini merupakan anjuran bersama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar dan Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD), UniMAP. Syarahan yang bertajuk '*Observation Between University and MNC : Sharing From An MNC Perspective*' ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP. Syarahan ini merupakan Syarahan pertama beliau di UniMAP setelah menjawat jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP yang ke-5 berkuatkuasa pada 1 Julai 2017.

YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman telah dipilih untuk menyampaikan Syarahan ini kerana pengalaman beliau yang telah berada dalam industri lebih dari 30 tahun. Beliau mula menyertai INTEL pada tahun 2015 dengan pemerolehan Altera Corporation sehingga dilantik sebagai Pengarah Urusan serta mengetuai Operasi dan Kejuruteraan di seluruh dunia untuk rantau Asia Pasifik sejak tahun 2012.

Sebelum menyertai Altera juga, beliau telah mempunyai kerjaya selama 25 tahun di Advanced Micro Devices (AMD) sehinggalah dilantik sebagai Pengarah Urusan Advanced Micro Devices (AMD) Penang. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Naib Canselor UniMAP.

